

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(5)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 5 TAHUN 2017**

Tarikh : 26 Mei 2017 (Jumaat)

Masa : 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tn. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 5/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

2.1 PROGRAM RAKAN MASJID – IMARAH RAMADHAN SECARA SMARTPARTNERSHIP ANTARA MPSJ DAN JAWATANKUASA MASJID DAN SURAU

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Rakan Masjid – Imarah Ramadhan**

Secara *Smartpartnership* Antara Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Jawatankuasa Masjid dan Surau di dalam kawasan pentadbiran MPSJ.

Program ini akan melibatkan **tiga (3) buah masjid dan lima (5) buah surau yang berada di Zon Subang Jaya, Zon Puchong dan Kinrara, Zon Seri Kembangan dan Zon Serdang**. Objektif utama program ini adalah untuk mengimarahkan masjid sempena bulan Ramadhan dengan aktiviti bertadarus, solat berjemaah, sesi kuliah, berbuka puasa dan qiamullail. Program tersebut akan diadakan pada 27 Mei hingga 24 Jun 2017 di lokasi berikut :

i) Zon Subang Jaya

BIL	NAMA SURAU/MASJID	JKP
i.	Masjid Abu Bakar As Sidiq, SS19, Subang Jaya	Zon 1
ii.	Masjid An-nur, Jalan USJ 4, Subang Jaya	Zon 3

ii) Zon Puchong & Kinrara

BIL.	NAMA SURAU/MASJID	JKP
i.	Masjid Al-Husna, Pusat Bandar Puchong	Zon 17
ii.	Surau An-najah, Taman Kinrara 5, Kinrara	Zon 11

iii) Zon Seri Kembangan

BIL	NAMA SURAU/MASJID	JKP
i.	Surau As-Syarif, Sungai Besi Indah 1, Seri Kembangan	Zon 24

ii.	Surau As-Syakirin, Taman Muhibah, Seri Kembangan	Zon 23
-----	--	--------

iv) **Zon Serdang**

BIL	NAMA SURAU/MASJID	JKP
i.	Surau Al-Husna, Taman Universiti Idah, Serdang	Zon 21
ii.	Surau Ar-Ridhuan, Taman Puchong Permai, Serdang	Zon 14

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program tersebut.

2.2 LAWATAN KE BAZAR RAMADAN MPSJ SEMPENA KEMPEN BAZAR RAMADAN MAMPAN 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa **lawatan ke Bazar Ramadan MPSJ Sempena Kempen Bazar Ramadan Mampan 2017** akan diadakan seperti maklumat berikut:

Tarikh : 29 Mei 2017 (Isnin)

Masa : 4.30 petang

Tempat : Bazar Ramadan MPSJ Bandar Kinrara 5

Lawatan ini akan turut disertai oleh YB Tuan Gobind Singh Deo (Ahli Parlimen Puchong), YB Tuan Ng Sze Han (ADUN Kinrara), Ahli Majlis, rakan sinergi dan pegawai MPSJ.

2.3 PROGRAM MERAIKAN ANAK YATIM DAN GOLONGAN ASNAF BERSAMA PUSPANITA MPSJ 2017

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Meraikan Anak Yatim dan Golongan Asnaf Bersama PUSPANITA MPSJ 2017**. Program ini merupakan kerjasama antara MPSJ dan rakan kolaboratif seperti Mydin Mohamed Holding Bhd., Tropicana Corporation Bhd. dan Sime Darby Property Bhd. Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 17 Jun 2017 (Sabtu)

Masa : 8.00 pagi – 12.00 tengahari

Tempat : Kompleks Membeli Belah Mydin, USJ 1, Subang Jaya

Tujuan utama program ini dilaksanakan adalah untuk membentuk jalinan kemesraan dan memberi keprihatinan kepada komuniti yang memerlukan bantuan serta menjaga kebajikan mereka.

2.4 PROGRAM JELAJAH KASIH RAMADAN MPSJ DENGAN KERJASAMA MASJID AL-FALAH, USJ 9, SUBANG JAYA

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Jelajah Kasih Ramadan MPSJ dengan kerjasama dengan Masjid Al-Falah, Subang Jaya**. Program ini merupakan cadangan kolaboratif bersama Modenas dan Aeon Big (M) Sdn Bhd sebagai program acara rasmi tahunan yang dilaksanakan bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan menyambut ketibaan bulan Ramadan.

Objektif program ini adalah bertujuan menerapkan nilai kemasyarakatan dan melahirkan insan yang bersifat penyayang, prihatin dan mempunyai nilai kekitaan. Selain itu, ianya juga dapat membantu golongan yang memerlukan bantuan agar golongan ini tidak terus tersisih serta dapat berkongsi sedikit sumbangan yang dihulurkan oleh pihak MPSJ dan badan-badan Korporat.

Aktiviti-aktiviti yang akan diadakan adalah seperti penyerahan barangan asas kepada yang kurang berkemampuan, masakan bubur lambuk dan majlis berbuka puasa bersama anak yatim. Program ini juga akan mendapat liputan dari medium elektronik (RTM) di dalam segmen 'Sentuhan Kasih Ramadan'. Program ini akan dilaksanakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : **17 dan 18 Jun 2017 (Sabtu & Ahad)**

Masa : **10.00 pagi (17 Jun) hingga 5.00 pagi (18 Jun)**

Tempat : **Masjid Al-Falah, USJ 9, Subang Jaya**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini

2.5 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga **minggu epid ke 20** tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan sejumlah **2,490** kes demam denggi . Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 47% jika dibandingkan dengan bilangan kes pada minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 4,669 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi sehingga minggu epid ke 20 adalah berjumlah **17** iaitu mengikut pecahan zon seperti berikut;

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	2
2.	Seri Serdang	7
3.	Seri Kembangan	8
4.	Kinrara	0
JUMLAH		17

Berdasarkan kajian taburan kes, jangkitan kes demam denggi di kawasan MPSJ tertumpu di kawasan pangsapuri. Sikap penduduk dan masalah ketiadaan JMB/MC yang mampu untuk menguruskan kawasan perumahan bertingkat ini menjadi antara punca utama yang menghalang kepada kaedah kawalan demam denggi dapat dibuat dengan sempurna.

Sehubungan itu, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling akan berhubung secara terus dengan jabatan dalaman PBT, ADUN, Ahli Majlis dan JKP dalam usaha untuk menyelesaikan masalah berkaitan serta untuk mendapatkan kerjasama penduduk supaya kejadian kes demam denggi ini dapat dikawal dan dicegah.

2.6 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM

Sehingga bulan **April 2017** sebanyak **20** Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan **1 sitaan** kenderaan telah dilakukan. Sebanyak **9 NTK** dikeluarkan di bawah **Seksyen 4** (Kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), **4 NTK** di bawah **Seksyen 6** (Kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan **7 NTK** di bawah **Seksyen 12** (Kesalahan

membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPPS) MPSJ 2007**.

Sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri bermula **JUN 2017** ini, Majlis Perbandaran Subang Jaya menyediakan perkhidmatan kutipan sampah pukal secara **PERCUMA** untuk kawasan perumahan (*landed property*) sahaja. Tempoh perkhidmatan ialah dari **14 Jun hingga 23 Jun 2017** di semua kawasan dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Penduduk dinasihatkan untuk mengeluarkan sampah pukal dan diletak di hadapan rumah dalam tempoh tersebut untuk dikutip oleh kontraktor Majlis secara berperingkat. Bagi melancarkan kutipan sampah pukal, **pihak JKP atau wakil penduduk (RA)** boleh membuat permohonan mengikut kawasan dengan menghubungi pihak MPSJ di talian **03-80267433 / 4363 / 7431**.

2.6 PENYATA KEWANGAN MPSJ

Sukacita dimaklumkan bahawa **Penyata Kewangan MPSJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2016** telah dibentangkan dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh Bil 2/2017. Untuk makluman, penyata kewangan tersebut disediakan dalam format/standard yang lama iaitu berasaskan *Private Entity Reporting System (PERS)*.

Pihak Majlis akan mengaplikasikan format/standard baru *Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)* secara berperingkat bermula pada Penyata Kewangan MPSJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 tertakluk kepada arahan/pekeliling daripada pihak SUK Negeri Selangor".

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 4/2017

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 4 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 26 April 2017 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 9/2017 bertarikh 3 Mei 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/surat 7	Encik Chang Kim Loong	Permohonan serentak kebenaran merancang + pelan bangunan – Cadangan tambahan dan ubahsuai ke atas ruang terbuka yang sedia ada di tingkat bawah Pangsapuri Meranti kepada pejabat Badan Pengurusan Bersama	Beliau memohon penjelasan berhubung keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 9/2017 yang telah membuat keputusan untuk menanggungkan permohonan tersebut. <u>Maklum balas</u> Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa perkara ini akan dibincangkan semula di dalam Mesyuarat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Pengurusan Meranti bersama 7 unit kedai di atas lot 66175, Jalan 7/1, Seri Serdang untuk Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Meranti	Jawatankuasa OSC.. Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 10/2017 bertarikh 17 Mei 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 5/2017 bertarikh 8 Mei 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 5/2017 bertarikh 16 Mei 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.3 & m/surat 8	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Peniaga bukan warganegara yang menjalankan perniagaan masih berleluasa	<p>Beliau meminta penjelasan pihak Majlis berhubung tindakan yang telah di ambil bagi mengatasi isu peniaga bukan warganegara yang menjalankan perniagaan dikawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Encik Ismail bin Salim, Pengarah Penguatkuasa memaklumkan bahawa pihak Majlis sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan seperti sitaan ke atas peniaga bukan warganegara yang menjalankan perniagaan ditempat-tempat awam.</p> <p>Beliau turut mencadangkan supaya MPSJ mengubal dasar atau polisi sekatan perniagaan yang tidak dibenarkan untuk dijalankan oleh warga asing di premis perniagaan milik persendirian seperti yang telah dikuatkuasakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Tindakan : Jabatan Penguatkuasa Jabatan Pelesenan
2.	Para 3.6 & m/surat 11	Encik Pooi Weng Keong	Kadar bayaran tempat letak kereta di IOI Puchong	<p>Beliau mencadangkan agar isu-isu penting melibatkan pelesenan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan untuk pertimbangan dan kelulusan bukan hanya dibentangkan di dalam Mesyuarat Teknikal Pelesenan.</p> <p>Beliau merujuk kepada keputusan Mesyuarat Teknikal Pelesenan Bil. 9/2017 yang telah meluluskan kadar bayaran tempat letak kereta di IOI Puchong.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 5/2017 bertarikh 16 Mei 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.8 & m/surat 28	Encik Chang Kim Loong	Cadangan tuntutan keuntungan bersama (<i>profit sharing</i>) untuk projek usahasama di antara MPSJ dengan Konsep Purnama Sdn. Bhd. (KPSB) dan Realiti Padu Sdn. Bhd. (RPSB)	<p>Beliau bersetuju dengan tindakan pihak Majlis untuk menubuhkan 'task force' yang melibatkan Ahli Majlis bagi menyelesaikan isu tuntutan keuntungan bersama antara MPSJ dengan KPSB dan RPSB.</p> <p>Beliau turut mencadangkan agar keahlian 'task force' ditambah dengan melibatkan Encik Ir. Izham bin Hashim, Dr. Mahendran a/l Markandoo dan Encik Edwin Lim Hock Lee.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</p>
2.	Para 6.2 & m/surat 35	Encik Ir. Izham bin Hashim	Bubur lambuk	<p>Beliau bertanya mengenai peruntukan yang diberikan oleh pihak Majlis untuk program bubur lambuk sempena bulan Ramadan 2017.</p> <p><u>Maklum balas</u></p> <p>Setelah berbincang mesyuarat bersetuju peruntukan untuk program Ihya Ramadan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>2017 adalah berjumlah RM 1,250.00 bagi setiap JKP.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 5/2017 bertarikh 17 Mei 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.3 & m/surat 9	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Taklimat laporan penaiktarafan persimpangan Lebuhr Puteri dan cadangan penambahbaikan	<p>Beliau memberi cadangan agar setiap kerja-kerja kejuruteraan yang dijalankan perlu dimaklumkan kepada Ahli Majlis kawasan berkenaan supaya Ahli Majlis tersebut maklum perkara yang berlaku di kawasan seliaannya.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 5/2017 bertarikh 18 Mei 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 5/2017 bertarikh 19 Mei 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/surat 15	Encik Pooi Weng Keong	Laporan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Beliau meminta penjelasan pihak Majlis berhubung pengeluaran Notis Tindakan Pembetulan (NTP) yang diberikan kepada pihak kontraktor adakah ianya mematuhi <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) yang ditetapkan oleh pihak Majlis. <u>Maklum balas</u> Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam memaklumkan bahawa tindakan pengeluaran NTP adalah mengikut SOP yang ditetapkan oleh pihak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Majlis. Tindakan : Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pengurusan Awam

6.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Jun 2017** akan diadakan pada **21 Jun 2017(Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 05 Jun 2017

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(NIK ZALINA BINTI MEGAT MUDA),
Timbalan Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Pemangku Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Pemangku Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 3. | TPr. Hj. Jaber bin Ami, P.J.K. | - | " |
| 4. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 9. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 10. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 11. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 12. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A. | - | " |
| 13. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 14. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 15. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 16. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 17. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 18. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 19. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 20. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 21. | Puan Wong Siew Ki | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 3. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 4. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tn. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam

5. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
6. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Hjh. Noraziah binti Ali
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
9. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
10. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
11. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
12. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
13. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
14. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
15. Encik Azfarizal bin Abd Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
16. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
17. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

18. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Penilaian Dan Pengurusan Harta
19. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
20. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
21. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
22. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
23. Puan Nurfazian binti Kasim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
24. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
25. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
26. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
27. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
28. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
29. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
30. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

31. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
32. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
33. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
34. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
35. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
36. Encik Muhammad Iskandar Z bin Ami
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
37. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
38. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
39. Puan Mazlina binti Mautafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan
Awam
40. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
41. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
42. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
43. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napiah
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

44. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
45. Encik Aidil Ifni bin Supar
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
46. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
47. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
48. Puan Nurul Saadah binti Abdul Wahab
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
49. Cik Roshaira binti Rosly
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
50. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
51. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan COB
52. Dr. Nurnawwar binti Arpaaii
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan
53. Cik Zamzamah binti Dato' Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan